

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Malaysia boleh mencapai status negara berpendapatan tinggi pada 2020 dengan menimbangkan beberapa faktor seperti pertumbuhan ekonomi dunia yang lembap, kadar inflasi yang tinggi, kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi, kelemahan nilai ringgit dan kadar pertukaran asingnya dengan mata wang-mata wang asing. Apakah ketidaktentuan lain yang akan barangkali mempunyai impak ke atas Pendapatan Negara Per Kapita (GNI).

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berkeyakinan bahawa Malaysia mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 di sebalik keadaan ekonomi semasa yang mencabar. Ini berdasarkan kepada prestasi ekonomi negara yang kekal mampan dan berdaya saing serta mampu mencatat pertumbuhan sebanyak 6% pada tahun 2014. Bagi tahun 2015, ekonomi negara dijangka akan berkembang antara 4.5% hingga 5.5%.

Dengan momentum pertumbuhan ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita dijangka akan meningkat daripada AS\$9,710 (RM29,713) pada tahun 2011 kepada AS\$10,700 (RM36,300) pada tahun 2015. Jika dibandingkan dengan tahap minima semasa PNK per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebanyak AS\$12,746 untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, Malaysia berada di landasan yang kukuh untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Melalui pelaksanaan pelbagai projek dan program yang sedang dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan teras strategi yang sedang dirangka di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11) yang memberi penekanan ke atas peningkatan produktiviti dan kreativiti, Malaysia dijangka mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020

seperti yang dirancang. Mengambil kira sasaran pertumbuhan di bawah RMKe-11, PNK per kapita akan mencapai paras AS\$15,000 iaitu paras minimum PNK per kapita negara maju.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketidaktentuan kedudukan fiskal yang berterusan juga boleh menjejaskan momentum pertumbuhan ke arah mencapai sasaran PNK. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan mengambil langkah untuk memperkukuh dan melaksanakan konsolidasi kedudukan fiskal di samping memastikan sokongan yang berterusan kepada pertumbuhan ekonomi. Pembaharuan fiskal akan dilaksanakan secara beransur-ansur supaya tidak menjejaskan pertumbuhan. Dalam hubungan ini, sumber fiskal akan ditumpukan ke arah sektor ekonomi utama untuk mempercepat peralihan kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

Sekian. Terima kasih.